

23 JUL 2001

MAHATHIR-IFSO

M'SIA INGIN MAINKAN PERANAN LEBIH BESAR DALAM PERBANKAN ISLAM

KUALA LUMPUR, 23 Julai (Bernama) -- Malaysia berharap akan dapat memainkan peranan yang lebih besar di dalam sistem kewangan Islam apabila dipilih untuk menjadi tuan rumah kepada Pertubuhan Perkhidmatan Kewangan Islam (IFSO), kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Malaysia telah menawarkan diri untuk menjadi tuan rumah kepada IFSO yang baru ditubuhkan dan bertanggung jawab untuk merangka dan mengeluarkan piawaian mengenai pengawalseliaan dan kehematan bagi institusi-institusi kewangan Islam di seluruh dunia, katanya ketika menjawab solan Abdul Hamid Abdul Rahman (BN-Sg Benut), di Dewan Rakyat.

Dr Mahathir berkata Malaysia nampaknya telah berjaya menerajui negara-negara Islam dalam bidang pembentukan perbankan Islam dan beberapa negara Islam telah menjadikan sistem perbankan Islam Malaysia sebagai contoh dan mendapatkan nasihat Malaysia dalam penubuhan Bank Islam mereka.

Untuk terus memajukan Malaysia sebagai Pusat kewangan Islam yang terkemuka, Malaysia telah melaksanakan beberapa program antaranya menjadikan Labuan sebagai pusat kewangan luar pesisir yang terkemuka dalam bidang perbankan dan kewangan Islam.

Beliau berkata: "Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan (LOFSA), bersama-sama dengan Bank Pembangunan Islam dan beberapa buah bank pusat negara Islam yang lain seperti Bahrain, Sudan dan Indonesia telah memeterai memorandum persefahaman bagi mewujudkan Pasaran Kewangan Islam Antarabangsa."

Selain daripada itu, dalam Kumpulan 8 Negara (D-8) Malaysia adalah komited untuk menggalakkan lagi penubuhan syarikat-syarikat takaful di negara-negara Islam supaya lebih banyak lagi jaringan di peringkat anatarbangsa dapat dijalankan, katanya.

Sementara itu, Dr Mahathir berkata mengenai cadangan dinar Islam yang dinilai berdasarkan emas yang dikemukakan Malaysia untuk mengurangkan pergantungan kepada dolar Amerika, sedang dalam peringkat kajian.

Beliau berkata, "Perkara ini sedang dikaji dan kita akan mengadakan satu seminar yang melibatkan negara-negara Islam lain dan ahli-ahli bank lain untuk menentukan bagaimanakah dapat kita wujudkan dinar Islam ini.

Dan apakah peranan yang dapat dimainkan oleh dinar Islam ini dalam meningkatkan terutamanya perdagangan dengan negara-negara Islam dan juga antara negara-negara Islam dengan negara-negara lain yang mengiktiraf penggunaan dinar emas itu kerana ia mempunyai nilai yang dikaitkan dengan emas."

Hari ini 80 peratus daripada bayaran dagangan Malaysia dalam dolar Amerika yang menyebabkan ia mendapat permintaan yang kukuh dan dengan sendirinya mengukuhkan lagi matawang utama dunia itu, tambah beliau.

Dr Mahathir berkata, "Kalau kita tidak bergantung kepada mata wang Amerika ini maka kita tidak perlu ikat ringgit kita dengan dolar Amerika.

Sebaliknya kalau kita adakan dinar Islam yang berbentuk emas, maka segala dagangan kita dengan negara-negara Islam ataupun bukan Islam yang bersetuju menggunakan dinar emas itu akan memudahkan proses jual beli dan proses bayaran, dan proses hutang dan sebagainya."

Dr Mahathir berkata, "Apabila kita bergantung kepada sesuatu maka sedikit sebanyak kebebasan kita terhakis. Dinar Islam adalah usaha yang dibuat oleh kerajaan Barisan Nasional dan juga diusahakan di mana-mana kerajaan lain dan tidak diusahakan oleh kerajaan PAS di Kelantan dan di Terengganu." -- BERNAMA

MK OS